

Ruj kami : AKKM:1/7/3 Jld.5 (67)

Tarikh : 13 Februari 2026

Kepada semua  
Koperasi / Organisasi Pelanggan  
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PEKELILING KOPERASI BILANGAN : 02/2026.**

**SALINAN PENYATA GAJI DENGAN CETAKAN QR KOD DAN PENGESAHAN MAJIKAN.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada surat Pekeliling Koperasi Bilangan 01/2024, yang telah dihantar kepada semua koperasi dan pelanggan berkenaan pelaksanaan penggunaan Kod QR dan pengesahan jabatan pada penyata gaji.

3. Berkuatkuasa **1 Mac 2026**, semua salinan penyata gaji bagi penjawat awam di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah wajib disertakan bersama cetakan QR kod yang masih sah, pengesahan cop rasmi jabatan dan tandatangan pada penyata gaji tersebut.

4. Untuk anggota dari jabatan dan majikan lain, yang tiada QR kod pada penyata gaji, proses kerja juga sama iaitu salinan penyata gaji hendaklah mempunyai pengesahan cop rasmi dan tandatangan dari jabatan atau majikan berkenaan.

5. Permohonan yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan seperti di atas, akan dikuiiri dan tidak akan diproses. Jika ada unsur tidak sah dan dimanipulasi pada dokumen yang dihantar, ANGKASA akan ambil tindakan tegas. Semua koperasi / organisasi pelanggan perlu pastikan arahan ini dipatuhi dan permohonan potongan gaji dapat diproses dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,



**HAMZAH BIN HAJI IBRAHIM**  
Pengurus Besar Kanan  
Kumpulan Kewangan Korporat  
ANGKASA

Fail: wma/pekeliling022026

